

**KENYATAAN MEDIA
KEMPEN SINAR RAMADAN 2021
14 APRIL 2021**

Kempen Sinar Ramadan 2021 adalah satu inisiatif Penang Halal International (PHI), dengan sokongan dari Kerajaan Negeri di bawah EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan yang berlangsung dari 13 April 2021 hingga 31 Mei 2021. Kempen ini bertujuan untuk membantu mempromosikan pihak usahawan dan peniaga yang terlibat dalam produk makanan, minuman dan barangan untuk menyambut bulan Ramadan dan Syawal. Tumpuan kepada hotel (buffet ramadan), peniaga-peniaga bazaar ramadan dan kompleks membeli belah yang akan dilaksanakan secara serentak dengan menggunakan logo, tema dan kemudahan yang disediakan oleh pihak PHI, dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MBSP).

Sejajar dengan penggalakan penggunaan digital, Penganjuran Sinar Ramadan 2021 oleh PHI berganding bahu dengan sokongan daripada rakan kongsi PHI iaitu Shopee, Foodpanda dan Maybank Islamic untuk merencanakan lagi kempen ini dari segi memperkasakan penggunaan digital di kalangan pengguna dengan transaksi perniagaan tanpa tunai. Oleh itu, pihak Shopee menawarkan pakej baucer diskaun yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan jualan usahawan, melalui platform e-Dagang Penang E-Mall. Manakala platform Penang Food4U @ Foodpanda iaitu peneraju penghantaran makanan secara atas talian menawarkan baucer diskaun melalui pembelian secara online. PHI turut bekerjasama dengan Maybank Islamic untuk mempromosikan pembayaran tanpa tunai melalui aplikasi MAE QRPay bagi memudahkan urusan jual beli antara peniaga dan pembeli.

Secara ringkas antara Bazaar Ramadan utama yang dipilih dalam Kempen Sinar Ramadan dengan penghiasan seperti pintu gerbang khas bertema “Sinar Ramadan” adalah :-(I) Masjid Daerah Balik Pulau; (ii) Bazaar Bayan Baru; (iii) Bazaar Ramadan berhadapan SMK Teluk Air Tawar, Butterworth; (iv) Bazaar Ramadan, Jalan Todak, Seberang Jaya; (v) Bazaar Ramadan Ban Busuk, Kubang Semang (vi) Bazaar Ramadan Sungai Acheh.

Antara kompleks membeli belah yang terlibat bagi menyokong kempen Sinar Ramadan ini adalah MYDIN Bukit Jambul dan Sunshine Bayan Baru. Selain itu, beberapa hotel dan restoran yang turut serta menyokong kempen ini ialah RAIA Hotel, IXORA Hotel, Jen Hotel, Eastin Hotel, Hotel Royal, G Hotel serta penyertaan dari restoran Bahtera Impian Straits Quay.

Justeru itu, diharapkan penganjuran Kempen Sinar Ramadan 2021 ini akan mendapat sokongan dan sambutan khususnya daripada rakyat Negeri Pulau Pinang dan seterusnya dapat memulih dan merencanakan semula sektor ekonomi pasca Covid-19 bagi tahun 2021 ini.

Untuk maklumat lanjut berkenaan kempen Sinar Ramadan 2021 sila hubungi PHI melalui:

E: admin@penanghalal.international

T: 604-262 5444/ 604-261 7244

Whatsapp: +6018-271 2544